



الجامعة الوطنية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

MAUIZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 3



Wanita Dunia Atau Bidadari?

“Umami Salamah berkata, Wahai Rasulullah, manakah yang lebih utama antara wanita dunia dengan bidadari? Rasulullah menjawab wanita dunia lebih utama dari bidadari syurga kerana keunggulan sesuatu yang zahir berbanding yang batin”.

Khabar Gembira Untuk Wanita Solehah

*“Abu Hurairah r.a mengatakan bahawa Rasulullah bersabda: Jika seorang wanita selalu melakukan solat lima waktu, menjaga kemaluannya, taat kepada suaminya, maka dia boleh masuk ke syurga dari pintu mana pun ia kehendaki”.
(Riwayat Ibnu Hibban, Ahmad, at- Thabrani)*



Asiyah Binti Muzahim (Wanita Hebat Sepanjang Zaman)

Khadijah (Muara Penyejuk Hati Rasulullah SAW)



Balqis (Puteri Yang Bijaksana)

Hitunglah Semua Nikmat Allah Telah Berikan Kepada Anda

- Rezeki yang sedikit membahagiakan.
- Rumah sederhana dengan iman.
- Jadilah wanita yang paling anggun di dunia.

Jagalah Auratmu, Wahai Wanita Mulia

Dalam hadits riwayat Abu Daud dan Tirmizi, Bahz bin Hakim dari ayahnya, dari datuknya mengatakan bahawa ia berkata: wahai Rasulullah, tentang aurat kami, apa yang harus kami lakukan dan apa yang harus kami perhatikan? Rasulullah menjawab: peliharalah auratmu kecuali dari isterimu, atau hamba yang kamu miliki.

Berpuasalah, Nescaya Menjadi Sihat

- Wanita berbuka semasa puasa sunat.
- Wanita berpuasa untuk ibunya yang telah meninggal.

Berbakti Kepada Orang Tua, Jalan Menuju Ke Syurga

Daripada Abu Said bin Malik bin Rabiah as Saidi bahawa seorang lelaki berkata : wahai Rasulullah, apakah masih memungkinkan untuk berbakti kepada kedua orang tua saya, setelah mereka meninggal dunia? Rasulullah menjawab: Benar, melakukan solat untuk mereka berdua, memohonkan ampunan, melaksanakan wasiat mereka, menjalinkan hubungan persaudaraan di mana jalinan itu tidak akan wujud kecuali dengan mereka berdua, dan memuliakan teman mereka berdua.

Wasiat Rasulullah Tentang Ibadah Wanita

- Wanita boleh beriktikaf.
- Wanita mengalami istihadah boleh beriktikaf.
- Ihram bagi kaum wanita.
- Wanita menangi mayat.
- Wanita yang memaksa melakukan khulu'.
- Wanita boleh sedekah dengan perhiasan mereka.

Melakukan Ibadah Haji Bagi Wanita

- Wanita boleh melakukan ibadah haji dengan menepati syarat yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.

Wanita! Jaga Lisanmu

Diceritakan oleh Amr Bin Dinar bahawa seorang lelaki Madinah mempunyai saudara perempuan yang berada di kampung dan berada dalam keadaan sakit. Lelaki itu menziarahinya sehingga meninggal dunia. Lalu lelaki itu mengucapkan takziah kepada keluarga wanita itu dan bersama-sama menguburkan saudara perempuannya itu. Lalu lelaki itu baru sedar yang dompetnya tertinggal di dalam kubur dan meminta temannya untuk menggali semula kubur dan mengambilkan dompetnya. Lalu temannya itu membuka sebahagian lubang dan melihat api menyala-nya lalu teman itu bertanya, apa amalan saudaramu sehingga terseksa begitu? Lalu ibunya berkata, "saudaramu suka pergi ke rumah jiran dan menyebarkan fitnah serta suka bercerita perihal keburukan orang. Jelas bahawa memfitnah dan mengumpat mendapat seksa kubur.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

Bahagian Hal Ehwal Islam

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635

